

**NO. SOALAN : 5**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2016 (RABU)**

**SOALAN : 5**

**YB Datuk Juslie bin Ajirol [ Libaran ] minta PERDANA MENTERI menyatakan peranan dan kepentingan pewujudan bangunan Pejabat Daerah Maritim yang diletakkan sebagai operasi logistik bagi perairan Zon Selamat Timur Sabah (ESSZone).**

**JAWAPAN: YB. DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman ahli Yang Berhormat, Wilayah Maritim Sabah dan Labuan terdiri daripada 5 Daerah Maritim iaitu Daerah Maritim Labuan, Daerah Maritim Kota Kinabalu, Daerah Maritim Kudat, Daerah Maritim Sandakan dan Daerah Maritim Tawau. Keluasan pengoperasian bagi setiap Daerah Maritim adalah menyamai keluasan pengoperasian bagi sebuah negeri di Semenanjung.

Daerah-Daerah Maritim ini diwujudkan untuk mentadbir penguatkuasaan Undang-Undang Persekutuan seperti Akta Perikanan, Akta Kastam, Akta Imigresen, Akta Pelantar Benua, Akta Anti Pemerdagangan Orang dan Migran, Akta Senjata Api dan lain-lain yang berkaitan maritim di Zon Maritim Malaysia. APMM juga melaksana dan mengkoordinasikan operasi Mencari dan Menyelamat (SAR) di laut khususnya di kawasan tanggungjawab SAR Negara.

Memandangkan perairan Sandakan berada berhampiran dengan sempadan Filipina terdapat banyak aktiviti-aktiviti yang melanggar undang-undang maritim terutamanya penyeludupan barang terkawal, minyak bersubsidi, penyeludupan orang, pencerobohan nelayan asing, pengeboman ikan dan kes-kes kecurian bot-bot nelayan. Oleh itu, DM Sandakan diwujudkan untuk menangani isu ini.

Selain itu, semua Daerah Maritim ini ditubuhkan untuk mengumpul maklumat-maklumat perisikan yang berkaitan kegiatan-kegiatan pencerobohan, jenayah maritim serta menyalurkan maklumat yang diperolehi kepada agensi-agensi yang terlibat seperti TLDM, PDRM, KASTAM, IMIGRESEN dan lain-lain.

Kehadiran APMM di setiap Daerah Maritim juga adalah sebagai sahabat kepada komuniti maritim terutama kepada komuniti nelayan dalam menentukan keselamatan perairan sentiasa terkawal. Selain itu juga, APMM sentiasa bekerjasama dengan pelbagai agensi dalam dan luar Negara. (inter dan intra agensi)

Di samping itu, penubuhan asal APMM yang dianggotai daripada pelbagai agensi seperti TLDM, PDRM, KDRM, Jabatan Perikanan,

dan Jabatan Laut memerlukan pengawalan untuk menentukan disiplin anggota sentiasa terkawal dan dapat bertugas sebagai satu pasukan. Ini menjadi tanggungjawab Daerah-Daerah Maritim untuk memastikan perkara ini.

Selain itu, bagi memastikan perkara ini semua aset-aset APMM boleh beroperasi dan dapat diatur gerak, Daerah Maritim juga bertanggungjawab untuk menentukan kesiapsiagaan keperluan logistik seperti penyelenggaraan bot dan kapal dapat dilaksanakan mengikut jadual.

Sekian, terima kasih.

**SIDANG DEWAN RAKYAT**  
**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS (2016)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB DATO' HASAN BIN ARIFIN [ROMPIN]**  
**TARIKH : 2 NOV 2016 [RABU]**  
**SOALAN : 11**

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah teknologi yang dibangunkan oleh Kementerian menerusi pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik Internet Of Things (IoT) Kebangsaan dan berapakah jumlah terkini yang telah dibelanjakan serta apakah kesan strategik Kementerian bagi menjayakan hala tuju ini menjelang tahun 2020.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

*Internet of Things (IoT)* merupakan satu sistem berasaskan internet, sensor, perisian dan perkakasan elektronik. Sistem ini akan membolehkan objek-objek seperti perkakasan rumah, peralatan kesihatan, kereta dan sebagainya berinteraksi antara satu dengan yang lain.

IoT dikenal pasti antara satu daripada bidang teknologi utama dalam Rancangan Malaysia Ke-11 dan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Strategik Internet Of Things (IoT) Kebangsaan dijangka akan menyumbang

pendapatan yang signifikan kepada pendapatan kasar negara. Pertumbuhan IoT di Malaysia juga dijangka akan menghasilkan 14,270 peluang pekerjaan baru dalam sektor berkemahiran tinggi bagi tempoh 5 tahun akan datang.

Dari aspek teknologi, MIMOS Berhad (MIMOS) telah dipertanggungjawabkan untuk membangunkan kerangka teknologi IoT terbuka (*Open IoT Technology Framework*) bagi membolehkan industri dan ahli akademik mewujudkan perkhidmatan nilai tambah yang baru.

Pada tahun ini, MIMOS telah membangun produk komersial berdasarkan *Open IoT Technology Framework* yang dikenali sebagai **Mi-Mist Application Enablement Platform** yang bertujuan untuk membolehkan pihak industri dan akademia membangun aplikasi dalam IoT.

Untuk makluman Dewan ini, dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11, antara teknologi yang sedang dan akan dibangunkan adalah:

- (i) **Smart Application Platform** bertujuan memudahkan integrasi pelbagai alatan untuk melahirkan perkhidmatan dalam IoT;
- (ii) **Smart Services Platform** bertujuan mengurangkan kos perkhidmatan dari segi penjimatan belanja pengurusan melalui perkongsian platform umum dan hub IoT;
- (iii) **Location Based Services Platform** yang bertujuan untuk mengintegrasikan platform syarikat untuk membangun perkhidmatan berasaskan lokasi (*location based services*) untuk pasaran IoT; dan

- (iv) **Application Defined Platform** untuk membangun perkhidmatan analitik yang baru untuk perdagangan dan aplikasi IoT untuk kesejahteraan rakyat.

Sehingga Ogos 2016, bagi projek RMKe-11, **IoT Open Innovation Platform** telah membelanjakan sebanyak RM7.5 juta (iaitu 96.4%) daripada RM7.8 juta yang diperuntukkan bagi tahun 2016.

Dengan merealisasikan pembangunan IoT yang tersebut, ia akan membolehkan perkhidmatan dan aplikasi yang baru untuk kegunaan sektor awam dan juga swasta, melibatkan ketenteraman awam, penjagaan kesihatan dan keselamatan negara.

Sekian, terima kasih.